



**Ekspo Selangkah Ke
UITM 2016**

**Karnival Pendidikan
Tinggi Negara**

Majlis Pelancaran iM4U

**FSPU Raih Kemenangan
Peringkat Kebangsaan**

**YBhg. Prof Emeritus
Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor UiTM
Yang Baharu**

**UiTM Cemerlang di
ITEX 2016**

Sambutan
100 HARI
PENTADBIRAN NAIB CANSOLOR
& KONFERENSI AKADEMIK 2016

UiTM SHELL Treasure Hunt & Shell Road Safety Bootcamp

Pada Sabtu, 7 Mei 2016 yang lalu, pihak Shell Malaysia dan UiTM Selangor, Kampus Puncak Alam telah menganjurkan UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell & Road Safety Bootcamp. Program ini merupakan aktiviti daripada pihak Shell atas kesinambungan selepas Majlis Pelancaran Road Safety Movement #ShellSelamatSampai (#SSS UiTM). Program ini telah diuruskan oleh Maximus Event Resources, pelajar semester 5, tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Majlis (BM236) Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Kampus Puncak Alam. Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah 500 (DK500), UiTM Selangor Kampus Puncak Alam.

UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell & Road Safety Bootcamp merupakan salah satu pendekatan yang digunakan bagi menjayakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya melalui aktiviti memburu harta menggunakan kereta. Sebanyak 30 kereta telah menyertai di mana satu kereta terdiri daripada 4 peserta di kalangan kakitangan dan juga pelajar UiTM Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana dan Shah Alam. Tujuan utama program pemburuan harta dan bootcamp ini diadakan adalah untuk memberi dan menyebarkan maklumat mengenai keselamatan jalan raya dalam amalan yang baik sepanjang keberkesanan pendidikan keselamatan jalan raya, latihan dan publisiti.

Turut berlangsung semasa UiTM Shell Treasure Hunt: Protect The Shell ialah Road Safety Bootcamp yang dihadiri seramai 400 pelajar dari UiTM Selangor Kampus Puncak Alam. Antara acara yang dijalankan semasa Road Safety Bootcamp ini ialah forum yang bertajuk Undang- Undang VS Sikap. Antara panel bagi forum ini ialah Puan Qamar Wan Noor, Downstream Malaysia Business Opportunity Manager, Shell Malaysia, Encik Nurul Aizar Bin Ab. Rahman, Pegawai Polis di Bahagian Siasatan/Perundangan Trafik, IPK Selangor, Md Afindi bin Saadan, Penolong Jurutera, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor, En Fakhri bin Mansor, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Selangor, Puan Karen Goonting, Pakar dalam Keselamatan Jalan Raya dan Dr Rosmadi Ghazali, Pengarah iCARE Bahagian Unit Penjana Pendapatan, Entiti Bisnes dan Alumniselaku moderator bagi forum tersebut.





MALAYSIA
Sehatisejiwa

Sambutan Hari

KEMERDEKAAN **2016**

Merdeka...! Merdeka...! Merdeka...!

#Sehati Sejiwa



KONSEP & REKA BENTUK:
BAHAGIAN CANSALERI DAN KOMUNIKASI KORPORAT